

**Persepsi Guru-Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Pelaksanaan Ujian Standard
Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) Di Sekitar
Bandar Johor Bahru Dan Bandar Skudai**

Zainal Abidin Zainuddin & Shafezan Hamidi Abd Hamid
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian yang dijalankan adalah bertujuan mengenalpasti apakah isu utama dalam pelaksanaan ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK). Seramai 57 orang guru di sekitar Johor Bahru terlibat secara langsung sebagai responden dalam kajian ini dan diminta menjawab borang soal selidik yang dibekalkan oleh penyelidik. Data yang dikumpul telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) berdasarkan purata kekerapan dalam jawapan skala *likert*. Hasil dari kajian mendapati bahawa isu pelaksanaan merupakan isu utama dalam perjalanan Ujian SEGAK di sekolah berbanding dengan isu kefahaman serta isu masalah berkaitan. Antaranya adalah disebabkan dari guru yang kurang bersedia serta masalah bekalan kit alatan untuk melaksanakan Ujian SEGAK memandangkan ujian ini masih baru dilaksanakan di sekolah. Kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor pelaksanaan ujian ini di antara guru lelaki dan guru perempuan. Oleh yang demikian, penyelidik mencadangkan supaya Ujian SEGAK ini perkukuhkan lagi dari aspek pelaksanaannya supaya ia lebih berkesan dijalankan pada masa hadapan.

Katakunci : persepsi guru pendidikan jasmani, ujian standard kecergasan fizikal kebangsaan untuk murid sekolah (SEGAK)

Pengenalan

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan telah menjadi mata pelajaran teras dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 dengan harapan melahirkan warganegara yang sihat, cergas dan produktif. Ini berdasarkan kepada rasional merangkumkan unsur-unsur Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di mana kedua-dua disiplin ilmu tersebut mempunyai perkaitan yang saling memperkukuh antara satu sama lain. Unsur-unsur Pendidikan Jasmani yang terdapat ialah berkaitan dengan bidang olahraga, permainan, pendidikan pergerakan, pendidikan artistik dan gimrama, manakala unsur-unsur Pendidikan Kesihatan pula ialah bidang pemeliharaan, pengawalan dan peningkatan kesihatan. Oleh itu, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan disepadukan melalui pengajaran dan pembelajaran serta menekankan aktiviti fizikal yang ada hubungkait dengan kefahaman perkembangan dan pertumbuhan manusia. Sehubungan dengan itu, guru diberi tanggungjawab dan perlu memainkan peranan yang penting bagi memastikan perjalanan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan menuju kearah misi yang dirancang selama ini.

Kecergasan fizikal merupakan aset yang paling penting untuk sesebuah negara yang ingin mencapai kemajuan dan kemakmuran. Dengan adanya rakyat yang mengamalkan gaya hidup sihat, mereka akan lebih produktif dan lebih mempunyai keyakinan diri apabila menghadapi cabaran dalam kehidupan. Kecergasan fizikal juga dapat menjadikan badan sihat dan bertenaga untuk melakukan kerja serta aktiviti harian. Oleh yang demikian, ujian kecergasan telah dilaksanakan untuk menguji tahap kecergasan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia.

Program penilaian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) ini dirancang selari dengan tunjang kecergasan yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Sekolah Rendah dan Menengah. SEGAK mula diilhamkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2005. Ujian ini dirancang untuk dilaksanakan sepenuhnya kepada pelajar Tahun 4 hingga Tingkatan 5 mulai sesi persekolahan tahun 2008. Pelaporan hasil SEGAK akan menjadi komponen kecergasan kepada penilaian berasaskan sekolah.

Dalam usaha untuk menjalankan ujian SEGAK ini supaya berjalan dengan baik dan jayanya, peranan semua pihak yang dipertanggungjawabkan adalah amat diperlukan. Pengetua sekolah, Guru Penolong Kanan, Ketua Panitia, guru-guru dan pelajar-pelajar adalah antara golongan yang terlibat dalam melaksanakan dan menjayakan program penilaian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) ini.

Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi guru-guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan ujian standard kecergasan fizikal kebangsaan (SEGAK) di sekolah menengah sekitar Bandar Johor Bahru dan Bandar Skudai. Ujian SEGAK ini diilhamkan dan dirancang pada tahun 2005 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Tetapi Namun ia hanya dilaksanakan sepenuhnya kepada murid tahun 4 hingga tingkatan 5 mulai sesi persekolahan tahun 2008. Sebelum ujian SEGAK ini dilaksanakan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Ujian Daya Tahan Asas (UDTA) dan juga Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK).

Masalah mula timbul apabila prosedur perlaksanaannya dikatakan tidak begitu teratur. Terdapat juga sekolah yang tidak menjalankan Ujian SEGAK walaupun ujian ini telah diwajibkan pada tahun 2008. Hasil dari perbualan di antara penyelidik dan guru-guru, didapati terdapat guru tidak begitu jelas tentang prosedur ujian dan guru juga berpendapat sepatutnya mereka perlu dihantar berkursus terlebih dahulu sebelum diminta menjalankan Ujian SEGAK di sekolah. Terdapat juga sekolah yang tidak menerima kit alatan untuk melaksanakan ujian ini dan seterusnya menyukarkan guru untuk menjalankan ujian SEGAK seperti mana yang diminta. Oleh itu, penyelidik telah membahagikan kepada tiga isu utama iaitu, isu kefahaman guru terhadap Ujian SEGAK, isu perlaksanaannya serta isu masalah yang berkaitan seperti masalah kewangan. Penyelidik juga ingin mengkaji sama ada terdapat perbezaan pendapat dan persepsi di antara guru lelaki dan guru perempuan berkaitan dengan pelaksanaan Ujian SEGAK.

Kepentingan Kajian

Program penilaian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) ini dirancang selari dengan tunjang kecergasan yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Sekolah Rendah dan Menengah. Kesepaduan tenaga guru sebagai pendukung utama amatlah diperlukan dalam usaha menjayakan ujian ini di mana ujian SEGAK ini perlu dilakukan dua kali dalam setahun. Oleh yang demikian, kajian ini amatlah penting untuk semua pihak yang terlibat seperti:

Kementerian Pelajaran Malaysia : Diharapkan semoga hasil kajian ini dapat menerangkan tentang isu utama Ujian SEGAK serta cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan keberkesannya.

Sekolah : Maklumat kajian ini diharap dapat menerangkan bahawa keberkesanan Ujian SEGAK dikaji sebagai usaha untuk menjadikan ujian ini lebih baik perlaksanaannya di masa akan datang.

Pelajar-pelajar : Dengan adanya kajian ini, pelaksanaan ujian SEGAK akan lebih teratur, lebih terurus serta lebih efisien pada masa hadapan sesuai dengan keadaan pelajar.

Penyelidik : Kajian ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang persepsi guru-guru serta masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya. Seterusnya menjadikan ia sebagai rujukan untuk memperbaiki apa sahaja masalah yang dihadapi sama ada dari pihak pengurusan ataupun pihak pelaksanaan.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Mengenalpasti perkara yang menjadi isu utama yang terdiri dari isu kefahaman, isu pelaksanaan serta isu masalah berkaitan yang dihadapi oleh guru-guru semasa menjalankan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) di sekolah.
2. Membuat perbandingan persepsi antara guru lelaki dan guru wanita terhadap pelaksanaan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK) di sekolah.

Rekabentuk Kajian


Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik memilih kaedah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai daripada data-data yang berjaya dikumpulkan. Ujian-T juga akan digunakan untuk membuat perbandingan persepsi antara guru lelaki dan guru wanita. Soal selidik berdasarkan skala *likert* digunakan dalam proses pengumpulan data-data bagi menentukan persepsi guru-guru pendidikan jasmani terhadap pelaksanaan ujian standard kecergasan fizikal kebangsaan (SEGAK) di sekolah menengah sekitar Bandar Johor Bahru dan Bandar Skudai.

Sebelum kajian dijalankan, satu kajian rintis dibuat ke atas sepuluh orang pelajar tahun akhir kursus Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan), Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian.


Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan adalah satu borang soal selidik dibina oleh penyelidik yang bersesuaian dalam konteks ujian SEGAK di Malaysia. Soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi biodata serta maklumat diri responden, Bahagian B pula merupakan soalan-soalan terkawal dimana responden perlu memberi pandangan atau persepsi serta cadangan pilihan mereka berdasarkan kepada skala-skala yang diberikan. Soalan berdasarkan isu kefahaman ujian SEGAK adalah terdiri dari soalan bernombor 1, 5, 7, 21, 30 dan 32. Bagi soalan berdasarkan isu pelaksanaan adalah bernombor 3, 4, 8, 9, 10, 11, 13, 15, 17, 19, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 31 dan 33 manakala soalan berdasarkan isu permasalahan ialah 2, 6, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 29 dan 34. Jumlah keseluruhan soalan Bahagian B ialah 34 soalan. Isu yang difokuskan membawa definisi yang tersendiri. Dalam isu kefahaman, ia membawa maksud sama ada guru yang terlibat faham dengan jelas apakah fungsi, tujuan serta objektif Ujian SEGAK. Bagi isu pelaksanaan pula, ia membawa maksud sama ada guru mempunyai kesulitan di dalam melaksanakan Ujian SEGAK seperti terpaksa memohon alatan atau ia mengganggu tugas-tugas guru yang lain manakala bagi isu masalah berkaitan, ia membawa maksud sama ada guru mempunyai kesulitan dari segi faktor kewangan ataupun hubungan antara ibu bapa serta masyarakat semasa menjalankan Ujian SEGAK.


Analisis Data



Rajah 1: Graf lengkungan kekerapan isu kefahaman



Rajah 2 : Graf lengkungan kekerapan isu pelaksanaan



Rajah 3: Graf lengkung kekerapan isu masalah berkaitan

Rajah 1 menunjukkan lengkung kekerapan berdasarkan isu kefahaman dalam Ujian SEGAK yang menunjukkan responden tidak pasti (mean=3.3801) tetapi lebih cenderung kepada setuju bahawa isu kefahaman bukan isu utama dalam Ujian SEGAK.

Rajah 2 menunjukkan lengkung kekerapan berdasarkan isu pelaksanaan dalam Ujian SEGAK yang menunjukkan responden tidak setuju (mean=2.4756) bahawa tiada masalah dalam pelaksanaan dan ia merupakan isu utama dalam Ujian SEGAK.

Rajah 3 menunjukkan lengkung kekerapan berdasarkan isu masalah berkaitan dalam Ujian SEGAK yang menunjukkan responden tidak pasti (mean=3.3789) tetapi lebih cenderung kepada setuju bahawa isu masalah berkaitan bukan isu utama dalam Ujian SEGAK.

Perbincangan

Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, didapati majoriti responden terdiri dari keturunan Melayu di mana lebih dari separuh responden ini dari kalangan guru lelaki. Kebanyakan guru yang terlibat juga adalah dari kalangan guru berusia 26-30 tahun. Hasil dari soal selidik ini juga, lebih 50% responden telah mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 4 tahun. Pengalaman guru ini amat penting dalam mendapatkan maklum balas serta perbandingan dari apa yang pernah dilalui oleh guru tersebut. Seperti mana dinyatakan oleh Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM), Sanip Suradi (2002), prestasi guru bergantung juga kepada pengalaman guru itu sendiri dan menurut Setiausaha Agung NUTP, Lok Yim Pheng (2007) pula, guru muda yang baru tamat latihan perguruan didapati kekurangan pengalaman dan pengetahuan dalam membimbing. Oleh sebab itu, penyelidik berpendapat, Ujian

SEGAK ini perlu dikawal dan diselia oleh guru-guru yang berpengalaman. Selain itu juga, hampir kesemua guru yang dijadikan responden memiliki ijazah semasa berkhidmat di sekolah. Menurut Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail (2008), kementerian dalam usaha mencapai kadar 100 peratus guru berijazah di sekolah menengah dan 50 peratus di sekolah rendah menjelang 2010.

Jika dilihat dari tahap kefahaman guru, didapati bahawa majoriti guru faham dan jelas tentang Falsafah Pendidikan Negara serta peranan guru itu sendiri dalam sekolah. Sebanyak 89.5% responden jelas memahami tentang Pendidikan Jasmani dalam KBSM serta perlaksanaannya berbanding 10.5% responden kurang jelas manakala kefahaman responden tentang budaya sekolah menunjukkan 40.4% responden jelas memahaminya berbanding 59.6% responden kurang jelas. Dalam aspek kefahaman responden tentang strategi pengajaran dan pembelajaran KBSM pula, 89.5% responden jelas memahaminya berbanding 10.5% responden tidak jelas. Responden juga minat bersukan serta pernah terlibat dalam pelbagai peringkat dan secara keseluruhannya responden jelas tentang peranan masing-masing sebagai guru. Dalam Bahagian B, penyelidik menggunakan skala likert yang merupakan soalan-soalan terkawal iaitu penyelidik menentukan pilihan jawapan dimana responden perlu memberi pandangan atau persepsi serta cadangan pilihan mereka berdasarkan kepada skala-skala yang diberikan. Sebanyak 34 soalan diberikan dan setiap soalan telah dikelaskan mengikut isu-isu yang berkaitan iaitu isu kefahaman, isu pelaksanaan dan isu masalah berkaitan. Responden diminta memilih pilihan jawapan berangka 1 untuk sangat tidak setuju, angka 2 untuk tidak setuju, angka 3 untuk tidak pasti, angka 4 untuk setuju dan angka 5 untuk sangat setuju. Hasil dapatan itu, akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 13.0.

Soalan berkaitan isu kefahaman terdiri dari soalan-soalan bernombor 1, 5, 7, 21, 30 dan 32. Didapati bahawa min kecenderungan responden menjawab soalan berkaitan isu kefahaman ini adalah 3.38 iaitu tidak pasti tetapi cenderung kepada setuju bahawa isu kefahaman adalah bukan isu utama dalam menjalankan Ujian SEGAK. Sebelum Ujian SEGAK dilaksanakan, pihak sekolah pernah menjalankan ujian kecergasan yang dikenali sebagai Ujian Daya Tahan Asas (UDTA) dan juga Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK). Jadi sepatutnya guru faham kerana tujuannya adalah sama iaitu untuk menilai kecergasan pelajar. Seperti mana menurut Amran Lee Abdullah dan Sudavalingam (2007), Guru di sekolah sebelum ini pernah menjalankan beberapa jenis ujian kecergasan untuk pelajar seperti Ujian Daya Tahan Asas (UDTA) yang dilaksanakan pada tahun 1992, Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) dan semuanya dirancang oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). Jadi ini membuktikan guru tidak ada masalah untuk memahami konsep asas Ujian SEGAK sebelum melaksanakannya.

Setelah soal selidik dianalisis, penyelidik mendapati guru-guru bersetuju bahawa mereka faham tentang Ujian SEGAK walaupun terdapat masalah untuk melaksanakannya. Guru-guru dibekalkan maklumat dari segi objektif dan prosedur pelaksanaan tetapi dalam melaksanakan ujian ini, berkemungkinan guru menghadapi masalah dalam penyediaan alatan ujian. Sebagai contoh, guru-guru perlu menyediakan kit alatan ujian sedangkan alatan tiada dibekalkan dan guru dikehendaki menggunakan inisiatif sendiri untuk mendapatkan alatan tersebut. Maka guru perlu memohon peruntukan kewangan dari sekolah bagi mencipta atau mendapatkan alatan, sebagai contoh untuk ujian naik turun bangku. Terdapat sekolah dibekalkan dengan alatan ini namun terdapat juga sekolah yang tidak dibekalkan contohnya seperti sekolah harian biasa. Untuk menyelesaikan masalah ini, guru terpaksa meminjam dari sekolah yang ada ataupun merekacipta alatan ini dengan sendiri dan seterusnya mengganggu kelancaran ujian.

Rujukan

- Azizi Yahaya dan Nik Diana Hartika Nik Husain. (2006). *Tahap Stres Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Guru di Sekolah di Negeri Johor, Melaka, Selangor dan Negeri Sembilan*, 9-11.
- Bjorklund, D.V. (2000). *Children's Thinking: Developmental Function and Individual Differences*. Belmont: Wadsworth Publishing.
- Baechle, T.R. dan Groves, B.R. (2001). *Latihan Beban*. Kuala Lumpur: Human Kinetics Publishers.
- Mohd Sufian Omar Fauzee. (2002). *Psikologi Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher & Distributor Sdn. Bhd.
- Noriah Mohd Ishak dan Nor Sakinah Mohamad. (2003). *Kesan Interaksi antara Gaya Pertautan, Gaya Pengajaran dan Komitmen terhadap Profesyen Perguruan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ruzli Zairazi, Ali Aswam dan Muhd Arif Abdullah. (2003). *Perkaitan Antara Kebimbangan Dengan Prestasi, Perspektif Tingkah Laku Kognitif*. Kuala Lumpur: Utusan Publisher & Distributor Sdn. Bhd.
- Zolkifli Abd. Ghani (2006). *Kebolehpercayaan Dan Kesahan Ujian Lari/Berjalan Sebata Dan Ujian Pacer*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana.
- Marzita Abdullah (2002). *Naik Pangkat - Pengalaman Perlu Jadi Sandaran*. Utusan Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publisher & Distributor Sdn. Bhd.